INVERTER

Panasonic



Panduan Pengendalian Peti Sejuk

Untuk Kegunaan Isi Rumah

No. Model: NR-CW530HW

Kandungan

- Peringatan Keselamatan 2
- Langkah-langkah Penggunaan Yang Selamat..... 5
- Ciri-ciri 6
- Pemasangan 8
- Pengenalpastian Bahagian 11
- Panel Operasi 13
- Kawalan Suhu 14
- Operasi ECONAVI 15
- nanoe™ X 15
- Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) .. 16
- Prime Fresh+ (Segar Terbaik+)..... 16
- Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) .. 17
- Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik) dan Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik)..... 17
- Ruang Peti Sejuk 18
- Bekas Segar Terbaik..... 19
- Ruang Penyejuk Beku 20
- Bagaimana Mencuci Peti Sejuk 23
- Pengenalpastian dan Penyelesaian Masalah 27
- Specifications..... 31

■ **BUKAN CFC**

Unit ini menggunakan **BAHAN BUKAN CFC** seratus peratus untuk bahan penyejuk (R600a) dan untuk penebatan (Cyclopentane). Oleh itu, peti sejuk ini tidak merosakkan lapisan ozon Bumi.

Terima kasih kerana membeli produk Panasonic.

- Sila baca panduan ini dengan teliti dan patuhi amaran keselamatan di Muka surat 2-5 sebelum menggunakan produk ini.
- Sila pastikan tarikh dan nama kedai di mana anda membeli produk ini dicapkan pada kad jaminan dan simpannya dengan panduan pengendalian.

MY

ARAH1E204100
P0825-0
Dicetak di Vietnam

Peringatan Keselamatan

Sila pastikan anda mematuhi Panduan ini.

AMARAN

Tanda ini bermakna: Ia mungkin mengakibatkan kecederaan parah atau kematian.

Tanda-tanda ini bermakna perbuatan yang dilarang

Tanda-tanda ini bermakna perbuatan yang diperlukan.

Tanda ini bermakna perkakas mesti dibumikan untuk mengelakkan kejutan elektrik.

PERHATIAN

Tanda ini bermakna: Ia mungkin mengakibatkan kecederaan atau kepincangan.



iso-butane

Risiko kebakaran/bahan mudah terbakar

Jika tidak, ia boleh menyebabkan kebakaran, kecederaan dan kejutan elektrik.

AMARAN

Sekiranya berlaku kecemasan:



- Kerja penyelenggaraan hanya boleh dijalankan di bengkel oleh pekerja penyelenggaraan yang terlatih.

- **Jangan** menyimpan bahan yang mudah terbakar, misalnya penyembur aerosol, dsb. dalam peti sejuk.
- **Jangan** gunakan peralatan elektrik seperti pewangi dalam peti sejuk. Penyejuk yang terbakar boleh menangkap api dari percikan kenalan elektrik dan boleh menyebabkan letupan.
- **Jangan** gunakan peralatan elektrik di dalam ruang penyimpanan makanan perkakas, kecuali jenis yang dicadangkan oleh pengilang.

- **Jangan** ceraikan komponennya, baiki atau ubah suai peti sejuk ini sendiri. Jika anda ingin membaiki peti sejuk, sila hubungi pengedar anda atau pusat servis yang sah.
- **Jangan** gunakan peranti mekanik atau sebarang cara lain untuk mempercepatkan proses cair beku, selain daripada yang disarankan oleh pengilang.

Apabila mengitar semula produk:

- Sebelum menghantar peti sejuk untuk dikitar semula, sila cabutkan semua pelekat pembuka pintu untuk mengelakkan kanak-kanak daripada terkurung di dalamnya.
- Label amaran yang disebutkan di atas harus disimpan sepanjang hayat peti sejuk.
- Arahan pengendalian hendaklah diserahkan kepada sesiapa yang akan menggunakan atau mengendalikan peti sejuk apabila peti sejuk dipindahkan ke lokasi lain dan dihantar ke kilang kitar semula.
- Berhubung undang-undang tempatan, Cyclopentane digunakan untuk penebatan peti sejuk ini, apabila anda membuangkan unit ini, sila gunakan kaedah yang betul dan jangan hapuskan dengan menggunakan api.

Jika tidak, ia boleh menyebabkan kebakaran, kecederaan dan kejutan elektrik.

⚠ AMARAN

Untuk palam dan kord kuasa:

- **Jangan** pasang atau cabut palam menggunakan tangan yang basah.
- **Jangan** biarkan kord atau palam rosak.

- Cabut palam kuasa semasa membersihkan peti sejuk.
- Pasangkan terus ke soket dinding dengan voltan dan arus yang betul yang sesuai dan pasangkan palam sepenuhnya.
- Khususkan satu soket untuk peti sejuk sahaja. Elakkan daripada menyambung banyak perkakas kepada soket yang sama dan buka sepenuhnya gulungan kord.
- Buang habuk yang terlekat pada palam kuasa dari semasa ke semasa.
- Jika kord kuasa rosak, ia mesti diganti oleh pengilang, wakil servisnya, Panasonic pusat servis yang Sah atau orang yang berkelayakan bagi mengelakkan bahaya.
- Jika anda mengesan bau terbakar, cabut palam kuasa dan alirkan udara di dapur.
- **Sila berhenti** menggunakan peti sejuk dengan serta-merta jika sesuatu yang luar biasa atau kegagalan berlaku. Contoh sesuatu yang luar biasa dan kegagalan.
  - Kord atau palam kuasa panas luar biasa.
  - Kord kuasa ada kesan torehan yang dalam dan cacat bentuknya.
  - Terdapat bau terbakar.
  - Anda boleh rasa sengal elektrik apabila anda menyentuh badan peti sejuk.

Apabila menggunakan:

- **Jangan** rosakkan litar penyejukan (paip pada bahagian belakang).
- **Jangan** sentuh mesin pemampat atau paip, kawasan ini bersuhu tinggi.
- **Jangan** biarkan kanak-kanak bergayut pada pintu peti sejuk, ia boleh terbalik dan menghempap kanak-kanak itu.
- **Jangan** letak sebarang bekas air di atas peti sejuk kerana tumpahan air boleh menyebabkan kejutan elektrik atau pembakaran.
- **Jangan** letakkan pelbagai soket mudah alih atau bekalan mudah alih di bahagian belakang perkakas.
- Pastikan pembukaan pengudaraan peti sejuk luaran atau struktur terbina dalam tidak terhalang.

- Perkakas ini tidak bertujuan untuk digunakan oleh individu (termasuk kanak-kanak) yang kekurangan kebolehan fizikal, deria atau mental, atau kurang pengalaman dan pengetahuan, melainkan mereka diawasi atau diberi arahan berkenaan penggunaan perkakas ini oleh individu yang bertanggungjawab ke atas keselamatan mereka.
- Kanak-kanak hendaklah diawasi bagi memastikan mereka tidak bermain dengan perkakas ini.

Memasang:

- Betulkan peti sejuk untuk mengelakkan bahaya akibat ketidakseimbangan.
- Apabila meletakkan perkakas, pastikan kord bekalan tidak terperangkap atau rosak.

- Pastikan peti sejuk dipasangkan ke soket yang disambungkan dengan sambungan pembumian.

Jika tidak, ia boleh menyebabkan kecederaan dan kemalangan.

⚠ PERHATIAN

Apabila membuka/menutup pintu:



- Semasa membuka peti sejuk, berhati-hati agar tidak mengepit tangan sebelah lagi yang memegang pintu peti sejuk.
- Berhati-hati dengan celah di antara pintu kerana ia mungkin menyepit tangan anda semasa ditutup.

Apabila menyimpan makanan:



- **Jangan** bekukan botol kaca, terdapat risiko kecederaan. (Jika cecair di dalam botol kaca membeku, botol itu boleh pecah dan anda mungkin akan tercedera.)
- **Jangan** kenakan impak yang tinggi ke atas dulang kaca. (Jika tidak, dulang kaca tersebut mungkin pecah dan anda mungkin tercedera.)

Apabila mengalih peti sejuk:

- Pegang peti sejuk dengan kuat semasa mengangkutnya.
- Bentangkan pelapik pelindung, terutamanya di atas lantai yang permukaannya mudah rosak.

Langkah-langkah Penggunaan Yang Selamat

Apabila membuka/menutup pintu:

- **Jangan** simpan barang yang lebih besar daripada dulang atau rak pintu kerana ini akan menyebabkan pintu tidak tertutup rapat dan menyebabkan tidak sejuk.
- **Jangan** buka peti sejuk dengan kerap atau biarkannya terbuka untuk tempoh yang lama bagi mengelakkan air menitik di dalam dan membazirkan tenaga.
- Periksa pengedap bukaan pintu dengan kerap, ia mesti betul rapat dengan badan peti sejuk.

Apabila membersihkan:



- **Jangan** bersihkan peti sejuk dengan bahan kimia atau cecair. Ia mungkin menyebabkan kerosakan dan hakisan di permukaan.

Langkah-langkah Penggunaan Yang Selamat

Apabila menggunakan:



- Semasa mencabut keluar palam, biarkan 7 minit sebelum memasangnya semula. Jika tidak, pemampat mungkin tidak dapat berfungsi.
- Laraskan suhu mengikut keadaan operasi sebenar untuk menjimatkan tenaga.
- Kelembapan di dalam bekas segar mungkin memeluwap, oleh itu lap ia dengan kain dari semasa ke semasa. Bersihkan bekas segar sekali sebulan.
- Sekiranya anda akan meninggalkan rumah untuk beberapa hari atau tiada apa-apa yang disejukkan di dalam peti sejuk, palam harus dicabut bagi menjimatkan tenaga. Apabila peti sejuk tidak digunakan selama beberapa hari, adalah perlu untuk mengeluarkan semua baki makanan di dalam peti sejuk, membersihkan dan membuka pintu selama beberapa jam untuk membiarkan kelembapan di dalam peti sejuk kering, mengelakkan acuan dan pengoksidaan komponen.
- Dinding luar kabinet peti sejuk kadangkala mungkin menjadi panas, terutama sekali sejurus selepas pemasangan. Ini agak normal dan ia disebabkan oleh Paip Pengering Jenang Antara terbina dalam yang mencegah perpeluhan dan melepaskan haba.
- Apabila kelembapan tinggi, iaitu semasa musim hujan, pemeluwapan mungkin kelihatan di permukaan kabinet, terutama sekali sekitar gasket pengedap pintu. Lap air pemeluwapan menggunakan kain bersih.
- **Jangan** biarkan pintu terbuka lebih lama daripada yang diperlukan, terutama sekali dalam cuaca yang panas dan lembap.
- Bahagian atas peti sejuk diperbuat daripada keluli untuk mengelakkan kebakaran yang disebabkan oleh pengaruh luar. **Jangan** letakkan barang di atas peti sejuk untuk memastikan faktor ini.

Apabila menyimpan makanan:



- **Jangan** simpan terlalu banyak makanan di dalam peti sejuk. Ruang yang secukupnya mesti disediakan antara makanan untuk mengekalkan kesan kesejukan.
- Simpan buah dan sayur di dalam ruang sayuran, di mana lembapan yang terperangkap akan membantu mengekalkan kualiti makanan untuk tempoh yang lebih lama.
- Barang makanan seperti sayur, buah dan makanan segar hendaklah dibungkus atau dimasukkan ke dalam bekas sebelum menyimpannya di dalam ruang sejuk beku atau peti sejuk.
- Tutup makanan berair dengan penutup yang ketat, plastik atau kerajang pembalut makanan.
- Masukkan makanan seperti daging atau ikan di dalam ruang sejuk beku jika anda mahu menyimpannya untuk tempoh yang lama.
- Air minuman, botol minuman hendaklah ditutup rapat bagi mengelakkan ia berbau.

Ciri-ciri

■ **Reka bentuk mewah sesuai untuk dapur yang mewah**



Permukaan kaca tanpa sempadan dengan pemegang moden dan canggih dalam setiap bahagian.

■ **Penjimatan kuasa**

- Teknologi INVERTER Panasonic meningkatkan penjimatan kuasa dan mengurangkan bunyi bising.
- Teknologi ECONAVI eksklusif Panasonic membolehkan untuk mengenal pasti perubahan dalam tabiat gaya hidup pengguna, membantu peti sejuk menyesuaikan secara automatik untuk mengurangkan penggunaan tenaga.

■ **nanoe™ X teknologi dan penapis Ag Clean**



Panasonic eksklusif nanoe™ X teknologi dan penapis Ag Clean membantu menyahbau dan meneutralkan bakteria, memastikan makanan segar lebih lama.

■ **Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas)**

Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) makes the temperature in the refrigerator cool down quickly, so as to retain the foodstuffs original flavor.

■ **Pemampat terletak di atas peti sejuk (Unit Atas)**

Reka bentuk eksklusif Panasonic mengalihkan pemampat daripada kedudukan tradisional, iaitu di bahagian bawah peti sejuk ke bahagian atas, mengoptimumkan ruang di dalam perkakas.

■ **Sistem Pembuat Ais Automatik**



ANTI BACTERIA
BPA FREE

- Perkakas dilengkapi dengan sistem pembuat ais automatik bagi memenuhi permintaan penggunaan ais pada setiap masa.
- Tangki bekalan air berkapasiti besar 5 Liter diperbuat daripada bahan antibakteria bebas BPA dengan penapis antibakteria yang selamat untuk kesihatan.
- Terdapat mod pembuat ais pantas.
- Terdapat mod untuk menghentikan pembuatan ais dan membersihkan pembuat ais secara automatik.

■ Bekas Segar Terbaik dan mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+)



- Suhu bekas Segar Terbaik boleh diubah daripada -5 °C ~ 4 °C(*).

  - Suhu -5 °C ~ -1 °C: Suhu beku lembut untuk pengawetan makanan, yang membantu menjimatkan masa dan usaha dalam mencair beku makanan, sambil mengekalkan rasa dan kesegarannya lebih lama.

  - Suhu 0 °C ~ 4 °C(**): Sama seperti suhu ruang Peti Sejuk apabila anda inginkan lebih banyak ruang untuk penyimpanan makanan di dalam ruang Peti Sejuk.

- Bekas Segar Terbaik menjadikannya lebih mudah untuk ditanggalkan dan dibersihkan, membantu mengelakkan pencampuran bau yang tidak menyenangkan atau jangkitan silang.

(*) Tetapan suhu lalai bekas Segar Terbaik ialah -3 °C.

(**) Bergantung pada jenis makanan, seperti ketulan besar daging atau ikan besar, keadaan penyimpanan dan suhu ambien, prestasi penyejukan mungkin terjejas. Dalam kes ini, suhu bekas Segar Terbaik hendaklah ditetapkan pada suhu terenda -5 °C.

■ Bekas sayur Fresh Safe



Bekas sayur berkapasiti besar dilengkapi dengan penapis penahan lembapan, yang memastikan sayur-sayuran segar dan memanjangkan jangka hayatnya.

■ Panel Operasi skrin yang mudah



- Adalah mungkin untuk melaraskan suhu ruang Peti Sejuk, bekas Segar Terbaik, ruang Penyejuk Beku dan bekas Pembeku Terbaik mengikut tujuan yang dimaksudkan oleh pengguna.
- Ruang Peti Sejuk dan Penyejuk Beku mempunyai peringatan untuk menutup peti sejuk.
- Paparan LED dan Panel Operasi mempunyai keterlihatan yang jelas dan mudah digunakan.

Pemasangan

Jarak dari dinding selepas pemasangan



- Bahagian atas peti sejuk ialah sekurang-kurangnya 5 cm daripada siling.
- Bahagian kiri dan kanan peti sejuk berada sekurang-kurangnya 5 cm daripada dinding.
- Bahagian belakang peti sejuk berada sekurang-kurangnya 5 cm daripada dinding.

Perhatian

- Sekiranya peti sejuk diletakkan bersebelahan dengan dinding, adalah perlu untuk memastikan bahawa ruang antara sebelah kiri atau kanan peti sejuk dan dinding adalah sekurang-kurangnya 25 cm. Jika ruang ini kurang daripada 25 cm, pintu mungkin tidak dibuka sepenuhnya dan dulang kaca, bekas sayur, dsb. tidak boleh ditanggalkan.



- Jangan letakkan sebarang objek di atas peti sejuk. Ia boleh mengganggu pelesapan haba pemampat, menyebabkan ubah bentuk atau kerosakan kepada komponennya.



- Apabila menggunakan buat kali pertama: bersihkan bahagian dalam peti sejuk.
  - Gunakan kain lembap yang lembut untuk membersihkan peti sejuk.
  - Bilas tangka air, penapis air dan dulang ais dengan air.
  - Apabila anda menggunakan perkakas untuk pertama kali, anda boleh menghidu bau plastik. Jika anda bimbang, alih udara bilik.
- **Jangan** letakkan peti sejuk di tempat yang lembap kerana ini boleh mengakibatkan pembentukan karat dan menyebabkan kebocoran elektrik.
- **Jangan** letakkan peti sejuk di tempat yang terdedah kepada cahaya matahari kerana haba dan sinaran matahari akan meningkatkan suhunya.
- **Jangan** letakkan peti sejuk dekat dengan sumber haba dapur masak atau ketuhar.
- **Jangan** halang bukaan mengikut keadaan peti sejuk.
- Peti sejuk mesti diletak di tempat yang mempunyai pengaliran udara yang bagus.
- Sekiranya peti sejuk diletakkan di atas permukaan yang tidak rata, laraskan bolt pelaras agar peti sejuk berdiri dengan stabil.

Lampu LED dan Pembumian

- Lampu LED peti sejuk, yang direka khusus untuk peti sejuk ini, tidak direka untuk diganti oleh sebarang individu. Jika anda perlu menggantikannya lampu LED, sila hubungi Panasonic pusat servis.
- Jika palam peti sejuk tidak mempunyai dawai bumi, peti sejuk mesti disambungkan dengan sambungan pembumian bagi mengelakkan bahaya elektrik.

Bergerak atau pengangkutan

※ **Sebelum bergerak dan pengangkutan**



1. Keluarkan dulang ais, air dan ais di dalam tangki.
2. Cabut palam perkakas.
3. Laraskan bolt boleh laras (kiri dan kanan) supaya bolt tidak menyentuh lantai.
4. Kosongkan dulang air di belakang peti sejuk.
   Letakkan bekas di belakang dulang di belakang peti sejuk, kemudian condongkan dulang ke belakang untuk menuangkan air keluar dari dulang.Tindakan ini memerlukan 4 orang atau lebih, di mana 2 orang daripadanya mengangkat bahagian hadapan peti sejuk untuk mengelakkan peti sejuk daripada tergelincir dan mengelakkan risiko kemalangan.

※ **Bagaimana untuk menggerak dan mengangkut**



- Sekurang-kurangnya 4 orang diperlukan untuk mengangkut peti sejuk.
- Setiap orang mengangkat satu sudut peti sejuk.
- Jangan mengangkut dengan mencengkam pintu peti sejuk.

Perhatian

- Semasa mengangkut, gunakan tali untuk mengunci pintu peti sejuk dan mengelak daripada membiarkan pintu terbuka dengan sendirinya.
- Jangan letakkan peti sejuk pada sisinya semasa mengangkut, kerana ini boleh menyebabkan kerosakan kepada peti sejuk.
- Selepas pemasangan, tunggu sekurang-kurangnya 4 jam sebelum memasangkan kuasa untuk memastikan gas dan minyak dalam pemampat berada dalam keadaan stabil.

Jika pintu condong ke bawah.

Putar bolt pelaras di sebelah bawah, seperti yang ditunjukkan di dalam rajah, untuk melaras tahap.

- Pintu Penyejuk Beku/Peti Sejuk mungkin condong dalam tempoh empat hingga lima hari selepas pemasangan disebabkan oleh muatan makanan atau penyesuaian terhadap permukaan lantai, putar bolt pelaras yang berkaitan dengan alat khususnya untuk melaraskan dan membetulkan paras pintu sekali lagi untuk memulihkannya.



Pemasangan

Sudahkan langkah-langkah yang diperlukan diambil untuk mencegah peti ais daripada terbalik sewaktu gemba bumi?



Untuk mencegah peti sejuk daripada terbalik, pasang secara kekal dengan menggunakan tali sawat, dll.

Stabilkan peti ais.

Putar bolt pelaras (kanan dan kiri) sehingga ia mencecah lantai untuk menstabilkan peti sejuk.



Semasa proses penyejukan dalaman sedang dijalankan pintu peti sejuk tidak boleh dibuka.

Pintu tidak sepatutnya dibuka sehingga kesemua proses penyejukan telah dijalankan dengan keseluruhannya.
(Udara panas yang mengalir akan menyekat fungsi penyejuk)

Sila tunggu sehingga ruang dalaman sudah menyejuk.

- Peti sejuk mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya 4 jam (atau lebih lama terutamanya pada musim panas apabila suhu ambien tinggi) berjalan berterusan untuk menyejukkan bahagian dalam, dalam keadaan tiada bahan makanan di dalam dan pintu tidak dibuka.
- Bergantung pada suhu ambien dan keadaan penggunaan, ia mungkin mengambil masa 24 jam untuk menyejukkan bahagian dalam dan mencapai keseimbangan.



Pengenalpastian Bahagian

Pintu kiri

Pintu kanan





Sistem saliran [Di dalam dulang saliran]

Pandangan belakang produk

Pengenalpastian Bahagian

A-Ruang Peti Sejuk

① Engsel menegak
Engsel menegak meminimumkan jurang antara pintu peti sejuk kiri dan pintu peti sejuk kanan. Jika engsel menegak ini terbuka, lipat semula ke dalam.
(Jika tidak, pintu peti sejuk tidak akan tertutup sepenuhnya, menyebabkan peti sejuk kehilangan udara dingin.)



② Rak pintu kecil (Kuantiti: 2)
③ Dulang telur
④ Rak pintu besar (Kuantiti: 4)
⑤ Rak botol (Kuantiti: 2)
⑥ LED bagi Peti Sejuk (Kuantiti: 3)
⑦ Gasket pintu bagi Peti Sejuk (Kuantiti: 2)
⑧ Dulang kaca bagi Peti Sejuk (Kuantiti: 2)
⑨ Bekas sayur dulang kaca
⑩ Bekas sayur
⑪ Pelembap untuk bekas sayur
⑫ Tangki air pembuat ais automatik
⑬ nanoe™ X

B-Segar Terbaik

⑭ Bekas Segar Terbaik



C-Ruang Penyejuk Beku

⑮ Pembuat ais automatik
⑯ Kotak ais
⑰ Ruang sejuk beku atas
⑱ Ruang sejuk beku tengah
⑲ Ruang sejuk beku bawah
⑳ LED bagi Penyejuk Beku
㉑ Gasket pintu bagi Penyejuk Beku
㉒ Bolt boleh laras

Panel Operasi



① Ruang lampu LED: ikon ruang masing-masing akan menyala apabila ruang dipilih.
② Kawasan paparan suhu: memaparkan suhu ruang Peti Sejuk, ruang Penyejuk Beku, dan bekas Segar Terbaik.
③ Butang kawalan suhu untuk ruang Peti Sejuk.
④ Butang kawalan suhu untuk bekas Segar Terbaik dan lampu LED bagi mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas).
⑤ Butang kawalan suhu untuk bekas Segar Terbaik.
⑥ Butang kawalan untuk mod dan lampu LED bagi Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) baharu.
⑦ Butang kawalan bagi mod Auto Ice (Ais Automatik).
⑧ Lampu LED bagi mod Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik).
⑨ Lampu LED bagi mod Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas).
⑩ Lampu LED bagi mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik).
⑪ Ikon dan lampu LED mod nanoe™ X: mamaparkan status semasa mod nanoe™ X.

Kenyataan

- Pada Panel Operasi: "*Extra function: Press 3 sec", bermakna anda perlu menekan dan menahan butang yang bermula dengan tanda "*" selama 3 saat apabila anda ingin memulakan fungsi tambahan.
- Dalam keadaan biasa, lampu Panel Operasi akan dimatikan. Apabila anda menekan butang, lampu Panel Operasi akan menyala. Lampu Panel Operasi akan padam dan semua butang tidak akan dikendalikan apabila pintu peti sejuk ditutup.
- Pada musim panas, apabila suhu tinggi, jika anda meletakkan makanan yang tidak disejukkan di dalam peti sejuk atau membuka/menutup pintu peti sejuk berulang kali, suhu di dalam perkakas akan meningkat. Oleh itu, adalah perlu untuk mengurangkan bilangan pembukaan pintu.
- Apabila pertama kali dipalamkan, Panel Operasi akan memaparkan pengenalan mod dan suhu ruang selama kira-kira 10 saat. Butang tidak akan aktif dalam tempoh masa ini. Selepas 10 saat, Panel Operasi boleh dilaraskan secara normal.

Kawalan Suhu

- Apabila peti sejuk dikeluarkan daripada kilang, suhu yang ditetapkan pada ruang Peti Sejuk, Segar Terbaik dan ruang Penyejuk Beku masing-masing adalah 4 °C, -3 °C, dan -20 °C. Tetapan suhu boleh diubah jika anda ingin melaraskan kapasiti penyejukan.
- Suhu yang ditetapkan bagi ruang Peti Sejuk adalah antara 1 °C ~ 7 °C, ruang Penyejuk Beku adalah -5 °C ~ 4 °C (suhu pembeku lembut adalah -5 °C ~ -1 °C, dan suhu untuk menggunakan Segar Terbaik seperti ruang Penyejuk Beku adalah 0 °C ~ 4 °C), daripada ruang Penyejuk Beku adalah -23 °C ~ -15 °C.
- Suhu di dalam peti sejuk akan berbeza bergantung kepada suhu ambien, status pemasangan, keadaan penggunaan dan kuantiti makanan.
- Disebabkan kaedah dan alat ujian yang berbeza, suhu ujian sebenar mungkin berbeza daripada suhu yang dipaparkan.
- Peti sejuk ini dilengkapi dengan sebuah pemproses untuk mengawal suhu di dalam peti sejuk. Apabila suhu ambien berubah, pemampat sedang berjalan atau menutup, pintu terbuka atau tertutup, suhu dalaman akan turun naik, mengakibatkan sedikit perbezaan di antara suhu di dalam peti sejuk dan suhu yang ditetapkan.

■ **Tetapan suhu dan panduan tetapan suhu**

1. Paparkan suhu semasa

Tekan ikon berikut untuk memaparkan suhu semasa ruang ini: ruang Peti Sejuk, Segar Terbaik, dan ruang Penyejuk Beku. Lampu paparan setiap ruang sepadan dengan suhu semasa akan menyala apabila dipilih.

Ikon	Ruang	Posisi lampu indikator ruang	Lampu suhu indikator ruang
FRIDGE	Ruang Peti Sejuk		4 °C
PRIME FRESH	Bekas Segar Terbaik		-3 °C
*FREEZER	Ruang Penyejuk Beku		-20

2. Tetapkan suhu

Selepas menekan ikon ruang yang hendak ditetapkan (ruang Peti Sejuk, bekas Segar Terbaik, ruang Penyejuk Beku) untuk memaparkan suhu semasa, tekan sekali lagi untuk memulakan proses penetapan suhu. Kemudian, ruang posisi lampu indikator dan lampu indikator suhu akan berkelip.

Teruskan menekan ikon ruang itu untuk memilih tahap suhu yang diingini. Setiap kali butang ditekan, suhu akan meningkat sebanyak 1 °C dalam julat tetapan suhu ruang. Jika pemilihan melebihi julat suhu ruang, Panel Operasi akan memaparkan suhu kembali ke tahap terendah dalam julat di atas.

3. Tetapan suhu lengkap

Selepas melengkapkan tetapan suhu, tekan butang lain untuk menyelesaikan atau tunggu selama 5 saat, Panel Operasi akan menyimpan tetapan yang baru anda buat.

Operasi ECONAVI

Peti sejuk ini mengesan pembukaan dan penutupan pintu serta kecerahan di sekeliling peti sejuk untuk mengawal operasinya secara automatik untuk memastikan penjimatan tenaga maksimum.(*)

■ **Operasi ECONAVI**

- Peti sejuk ini mempelajari corak gaya hidup keluarga anda daripada pembukaan pintu dan jumlah masa penggunaan yang jarang untuk memaksimumkan kecekapan tenaga.
- Peti sejuk ini mempelajari corak gaya hidup daripada penggunaan selama 3 minggu dan menggunakan data memulai Minggu ke-4 dan seterusnya.

■ **Tetapan untuk mendayakan operasi ECONAVI**

- Mod pengendalian ECONAVI didayakan secara automatik apabila pengawal suhu untuk kedua-dua ruang Peti Sejuk dan ruang Penyejuk Beku masing-masing ditetapkan pada 4 °C dan -20 °C.
- Mod ECONAVI tidak beroperasi jika mod mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas), Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) sedang berjalan.
- Mod ECONAVI tidak boleh dimulakan atau dipaksa.

(*) Keberkesanan mod ECONAVI bergantung kepada suhu sekitar, kecerahan sekitar dan bilangan pintu peti sejuk dibuka dan ditutup dan keadaan makanan yang disimpan.

nanoe™ X

- nanoe™ ialah koleksi zarah ionik mikroskopik yang dikelilingi oleh zarah air. nanoe™ X adalah zarah air bercas pada skala mikroskopik dengan radikal OH 10 kali lebih banyak daripada nanoe™.
- nanoe™ X mod akan bermula apabila peti sejuk dipasang dan akan sentiasa berjalan apabila peti sejuk sedang digunakan. Walau bagaimanapun, memandangkan nanoe™ X memerlukan kelembapan untuk beroperasi, keberkesanan mod ini mungkin berkurangan jika kelembapan di dalam peti sejuk berkurangan (cth. apabila menyimpan terlalu sedikit sayur-sayuran, dsb.).
- Semasa operasi, peranti nanoe™ X mungkin mengeluarkan bunyi kecil.
- Selepas pintu ditutup untuk masa yang lama, apabila membuka pintu peti sejuk, adalah mungkin untuk menghidu bau ozon yang dihasilkan semasa operasi nanoe™ X, ini adalah fenomena biasa.

Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas)

Apabila Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) ditetapkan, peti sejuk akan menurunkan suhu dengan cepat agar makanan diawet dengan lebih baik.

■ **Bagaimana mengendalikan mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas)**



LED menyala: Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) beroperasi.
LED padam: Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) tidak beroperasi.

- Tekan dan tahan ikon “Freezer” selama 3 saat untuk memulakan mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas). Kemudian, LED bagi mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) akan menyala.
- Apabila anda ingin menghentikan mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas), tekan dan tahan ikon “Freezer” sekali lagi selama 3 saat sehingga LED dimatikan.

Kenyataan

- Mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) akan berhenti secara automatik selepas berjalan selama 150 minit dan kembali ke mod biasa. (LED bagi mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) dimatikan.)
- LED bagi mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) yang berkelip bermakna sistem menyahfroskan sedang berfungsi. Mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) akan dimulakan sejurus selepas operasi penyahbekuan selesai.
- Suhu ruang Penyejuk Beku akan kembali ke tetapan sebelumnya apabila mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) tamat.
- Apabila mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas) dihidupkan, mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+), mod Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas), jika aktif, akan dihentikan.

Prime Fresh+ (Segar Terbaik+)

Apabila Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) ditetapkan, ruang segar terbaik akan menurunkan suhu dengan cepat agar makanan diawet dengan lebih baik.

■ **Bagaimana mengendalikan mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+)**



LED menyala:
Mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) beroperasi.
LED padam:
Mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) tidak beroperasi.

- Tekan ikon “Prime Fresh+” dua kali berturut-turut untuk memulakan mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+). Kemudian, LED bagi mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) akan menyala.
- Apabila anda ingin menghentikan mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+), tekan ikon “Prime Fresh+” satu kali sehingga LED dimatikan.

Kenyataan

- Mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) akan berhenti secara automatik selepas berjalan selama 105 minit (apabila suhu ambien 18 °C atau kurang) atau antara 145 ~ 150 minit (apabila suhu ambien lebih tinggi daripada 18 °C) dan kembali ke mod biasa. (LED bagi mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) dimatikan.)
- LED bagi mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) yang berkelip bermakna sistem menyahfroskan sedang berfungsi. Mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) akan bermula sejurus selepas operasi penyahbekuan selesai.
- Suhu Segar Terbaik akan kembali ke tetapan sebelumnya apabila mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) tamat.
- Apabila mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) dihidupkan, mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas), mod Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas), jika aktif, akan dihentikan.
- Mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) tidak akan bermula apabila suhu Segar Terbaik ditetapkan pada 0 °C ~ 4 °C.

Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas)

Apabila menetepkan mod pembuatan ais pantas, peti sejuk akan meningkatkan kapasitinya untuk mengurangkan masa membuat ais.

■ **Bagaimana mengendalikan mod Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas)**



- **Kes 1:** Tekan ikon “Auto Ice” sebanyak dua kali berturut-turut untuk memulakan mod Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas).
- **Kes 2:** Jika mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik) sedang berjalan (lampu LED bagi Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) padam), tekan ikon “Auto Ice” sebanyak tiga kali sehingga lampu LED bagi Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) menyala.
- Selepas mod Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) dimulakan, LED Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) akan berkelip, peti sejuk akan mengeluarkan bunyi pemberitahuan. LED Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) akan kekal menyala sepanjang proses berlangsung.
- Apabila anda ingin menghentikan mod Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas), tekan ikon “Auto Ice” sebanyak dua kali berturut-turut sehingga lampu LED bagi Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) padam.

Kenyataan

- Apabila mod pembuatan ais pantas berjalan, mod Quick Freezing (Penyejukbekuan Pantas), mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+), mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik), jika sedang aktif, akan berhenti.

Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik) dan Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik)

Apabila peti sejuk sedang beroperasi, mod pembuatan ais automatik akan beroperasi secara automatik tanpa apa-apa tetapan. Apabila menetapkan mod penutupan dan pembersihan pembuat ais automatik, peti sejuk akan menghentikan pembuat ais automatik dan membersihkan pembuat ais secara automatik.

■ **Bagaimana mengendalikan mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik)**



- **Kes 1:** Tekan ikon “Auto Ice” sebanyak tiga kali sehingga lampu LED bagi Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) padam.
- **Kes 2:** Jika mod Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) sedang berjalan (Lampu LED bagi Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) menyala), tekan ikon “Auto Ice” sebanyak dua kali sehingga lampu LED bagi Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) padam.
- Selepas mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik), lampu LED Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) akan berkelip, peti sejuk akan mengeluarkan bunyi pemberitahuan. Kemudian, LED Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) akan padam sepenuhnya.
- Apabila anda ingin menghentikan mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik), tekan ikon “Auto Ice” sekali lagi sehingga LED Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) akan menyala.

Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik) dan Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik)

Kenyataan

- Apabila mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik) sedang berjalan, mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik), jika sedang aktif, akan berhenti.
- Dalam keadaan lalai, lampu LED bagi Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) sentiasa menyala.

■ **Bagaimana mengendalikan mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik)**



- Tekan dan tahan ikon “Auto Ice” selama 3 saat untuk mengaktifkan fungsi Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik). Di hujung proses mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik), peti sejuk akan mengeluarkan bunyi pemberitahuan.

Kenyataan

- Apabila mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik) sedang berjalan, ia tidak boleh dihentikan/dinyahdayakan separuh jalan.

Untuk butiran tentang operasi mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik), sila lihat Muka surat 22.

Ruang Peti Sejuk

Julat suhu bahagian ruang Peti Sejuk ialah 1 °C ~ 7 °C
Jika suhu bahagian ruang Peti Sejuk ditetapkan pada 1 °C pada masa yang lama, makanan anda boleh beku.

Bekas sayur

Bekas sayur besar dilengkapi dengan sistem rel panduan dengan sudut bukaan maksimum, memudahkan anda untuk mengambil makanan yang diletakkan jauh di dalam bekas dan meningkatkan kapasitinya. Ia juga membolehkan pengguna menarik bekas dengan satu tangan. Pelembap membantu mengawal kelembapan dalam bekas sayur, membantu sayur mengekalkan kelembapan dan kesegaran.

Kenyataan

- Disebabkan kelembapan yang tinggi, titisan air mungkin muncul pada dinding bekas sayur. Jika air atau titisan air kekal di dinding, lap dengan kain lembut.
- Jangan biarkan makanan melebihi tinggi bekas, kerana terdapat risiko di mana pintu tidak dapat ditutup sepenuhnya, yang boleh menyebabkan fros dan merosakkan sayur dan buah-buahan.

Tip penyimpanan makanan

■ **Jangan masukkan terlalu banyak makanan**
Apabila terdapat terlalu banyak makanan dan tiada ruang untuk mengedarkan udara sejuk di dalam peti sejuk, operasi penyejukan akan terjejas.
Buka ruang antara makanan yang berbeza!



■ **Jangan biarkan makanan menghalang peredaran udara dalam peti sejuk**

Jika udara sejuk tidak diedarkan, ini akan menyukarkan ruang dalaman peti sejuk untuk sejuk dan akan menggunakan lebih banyak tenaga elektrik. Oleh itu, makanan tidak patut menghalang saluran udara(*) dan peredaran udara dalam peti sejuk.



(*) Saluran udara terletak di atas pandu udara dalam bahagian ruang Peti Sejuk.

Bekas Segar Terbaik

Suhu dalam bahagian bekas Segar Terbaik lembut boleh dipilih seperti di bawah:

- Suhu untuk makanan untuk disejuk beku lembut ialah -5 °C ~ -1 °C.
- Suhu dalam bahagian bekas Segar Terbaik lembut sebagai bahagian ruang Peti Sejuk ialah 0 °C ~ 4 °C.

Apabila menggunakan peti sejuk, suhu boleh dilaraskan mengikut kegunaan peribadi anda. Suhu tetapan lalai kilang ialah -3 °C.

Menggunakan bekas Segar Terbaik — Kira-kira -5 °C ~ -1 °C

- Bekas ini sesuai untuk menyimpan makanan segar seperti daging atau ikan. Berbanding menyimpan dalam ruang Peti Sejuk, hayat simpanan daging atau ikan akan menjadi lebih panjang.
- Jika makanan terlalu sejuk beku.
  Hirisan ikan atau daging juga boleh terlalu membeku. Tetapkan suhu kepada lebih tinggi daripada -3 °C untuk mencegah makanan daripada membeku.



Mudah dipotong.
Makanan yang separuh beku mudah dipotong! Menyenangkan.



- Apabila makanan tidak separuh beku.
  Bergantung pada jenis makanan, seperti blok besar daging atau ikan besar, keadaan penyimpanan dan suhu ambien, makanan mungkin tidak dibekukan sebahagiannya seperti yang dimaksudkan. Kemudian, tetapkan pada suhu terendah -5 °C.
- Jangan masukkan terlalu banyak makanan. Apabila terdapat terlalu banyak makanan dan tiada ruang untuk mengedarkan udara sejuk di dalam peti sejuk, operasi penyejukan akan terjejas. Buka ruang antara makanan yang berbeza!
- Apabila menyimpan makanan dalam kuantiti yang banyak, spt. blok daging, ikan yang besar atau ayam, adalah dinasihatkan untuk meletakkan makanan di tengah bahagian ruang Penyejuk Beku lembut untuk mengoptimumkan prestasi penyejukan.
- Apabila suhu bahagian ruang Penyejuk Beku lembut adalah pada 0 °C ~ 4 °C, mod Prime Fresh+ (Segar Terbaik+) baharu tidak akan beroperasi untuk mencegah makanan rosak.
- Jangan biarkan makanan menghalang peredaran udara dalam bahagian ruang Penyejuk Beku lembut sejuk. Jika udara sejuk tidak diedarkan, ini akan menyukarkan dalaman bahagian betak Penyejuk Beku lembut sejuk untuk sejuk dan boleh merosakkan makanan anda. Justeru, makanan tidak patut disimpan terlalu tinggi dan di depan salur masuk udara (di atas bekas bahagian ruang Penyejuk Beku lembut) dan menghalang peredaran udara dalam bahagian tersebut.



Ruang Penyejuk Beku

Julat suhu bahagian bekas Penyejuk Beku sejuk ialah -23 °C ~ -15 °C.



Tiga tip untuk menyejuk beku makanan dan mengekalkan rasanya

1. Sejuk bekukan makanan nipis dan kecil dengan cepat
2. Tutup rapat
3. Jangan sejuk bekukan semula

Pembuatan ais automatik



Untuk menggunakan pembuat ais automatik dengan mudah (Untuk model CW530X)

○ Hanya gunakan air minuman untuk membuat ais automatik.



Air minuman

× Jangan tuang cecair berikut ke dalam tangki bekalan air.
(Cecair ini boleh merosakkan pembuat ais automatik).



Jus, v.v. Minuman sukan Minuman berkarbonat Air panas

Tips

- Kandungan pepejal air mestilah 100 mg/L atau kurang. Zat mineral mungkin muncul seperti mendapan putih. Ia tidak berbahaya.
- Apabila menggunakan pembuat ais automatik untuk kali pertama, bau atau habuk mungkin melekat pada pembuat ais, dsb.
  Buang ais dalam kotak yang pertama.
- Ingat untuk gunakan ciri pembersih automatik untuk pembuat ais automatik secara berkala.
  (Muka surat 22)

Perhatian

Apabila kotak ais penuh dan kiub ais menyentuh tuil pengesanan ais, mod pembuatan ais automatik akan berhenti secara automatik.



Tuil pengesanan ais

Timbunan kiub ais akan menyentuh tuil pengesanan ais. (Kemudian, mod pembuatan ais automatik akan berhenti).



Edarkan kiub ais dengan sekata dalam kotak ais untuk membuat lebih ais.

Permintaan

- Jangan tuang air terus ke dalam kotak ais untuk membuat ais. (Jika tidak, kotak ais boleh pecah).
- Jangan tuang makanan atau benda lain dalam kotak ais. (Jika tidak, adalah mustahil untuk mengesan jumlah ais yang betul, dan pembuat ais automatik boleh berhenti berfungsi, ada kotak ais tidak boleh dikeluarkan.

Masa kitaran pembuat ais akan menjadi lebih panjang dalam keadaan berikut.

- Pertama kali menggunakan peti sejuk. (Sekurang-kurangnya 24 jam diperlukan memandangkan fungsi pembuatan aisautomatik hanya bermula selepas bahagian dalam peti sejuk cukup sejuk
- Apabila pintu peti sejuk dibuka dengan kerap.
- Apabila pintu peti sejuk dibuka sedikit.
- Apabila peti sejuk terlalu penuh.
- Apabila suhu bilik adalah rendah pada musim sejuk atau tinggi pada musim panas.
- Apabila kegagalan elektrik berlaku.

Bagaimana mengguna tangki air pembuat ais automatik(*)

1 Keluarkan tangki bekalan air.



Tarik keluar tangki bekalan air sehingga ia tersekat. Isi air hingga garisan “Min” (Minimum).

2 Isi dengan air.



Buka penutup dan isi air ke dalam tangki dan tutup semula.

3 Pasang tangki bekalan air.



Pastikan arah tangki bekalan air dan pasang hingga tangki menyentuh pin terakhir. (Jika tangki air tidak menyentuh pin terakhir, pembuat ais tidak dapat beroperasi)

(*) Ais boleh dihasilkan selama kira-kira 2 jam, selagi suhu dalam bahagian ruang Peti Sejuk ialah 4 °C, dalam bahagian bekas Segar Terbaik lembut ialah -3 °C, dan dalam bahagian ruang Penyejuk Beku ialah -20 °C.

Bagaimana membuat ais dengan pantas

■ **Dalam Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas), pembuatan ais akan bertambah laju.** Kiub ais boleh dibuat dalam sekurang-kurangnya 90 minit(**).

Perhatian

- Untuk selepas kira-kira 6 jam, peti sejuk akan kembali ke mod pembuatan ais normal.
- Apabila peti sejuk dalam mod nyahfros, kelipan lampu LED bagi Quick Ice Making (Pembuat Ais Pantas) akan menyala. Quick Ice Making (Pembuatan Ais Pantas) akan bermula semula sejurus selepas operasi penyahbekuan selesai.
- Dalam Quick Ice Making (Pembuatan Ais Pantas), tenaga yang digunakan akan lebih tinggi daripada biasa.
- ECONAVI tidak berfungsi semasa menetapkan Quick Ice Making (Pembuatan Ais Pantas).

(**) Suhu bilik ialah 20 °C, suhu bahagian ruang Peti Sejuk, bahagian bekas Segar Terbaik lembut, dan bahagian ruang Penyejuk Beku masing-masing ialah 4 °C, -3 °C, dan -20 °C.

Ruang Penyejuk Beku

Bagaimana untuk membersihkan pembuat ais automatik

Apabila menggunakan untuk kali pertama atau tidak digunakan buat masa yang panjang, tangki air mungkin berbau atau mengumpul habuk. Jangan lupa untuk membersihkan tangki air sebelum membersihkan pembuat ais.
Selepas memilih mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik), air akan dituang secara automatik ke dalam dulang ais dan paip bekalan air 3 kali (selama kira-kira 2 minit) untuk mengalirkan air.
Apabila memilih mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik), pastikan ada air yang cukup di dalam tangki air.

1. Tarik keluar kotak ais di bawah Penyejuk Beku, keluarkan semua kiub ais daripada kotak ais (selepas semua kiub ais terbentuk), dan pasang semula kotak ais di tempatnya.
2. Isi tangki air dengan air.
3. Pilih mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik) (Muka surat 25).
   - Pada masa yang sama, peti sejuk akan mengeluarkan bunyi sekejap-sekejap dan mula membersihkan pembuat ais.
   - Semasa proses pembersihan, bunyi tersebut tidak boleh dimatikan.
   - Selepas bunyi bip untuk memaklumkan proses pembersihan lengkap, LED bagi mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik) pada Panel Operasi akan padam, proses pembersihan pembuat ais akan berakhir dan memulakan proses Quick Ice Making (Pembuatan Ais Automatik).
4. Keluarkan kotak ais daripada Penyejuk Beku, buangkan air dalam kotak ais dan lap air di luar kotak ais.
   Jika anda tidak membersihkan semua air dalam kotak ais, kotak ais tersebut boleh pecah.

Bagaimana untuk mematikan pembuat ais automatik

Anda boleh dayakan/nyahdayakan mod pembuatan ais menurut keperluan anda.

■ **Tutup pembuat ais**

1. Pilih mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik), LED bagi Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) pada Panel Operasi akan padam dan peti sejuk akan berhenti membuat ais (Muka surat 25).
2. Tidak perlu untuk menuang air ke dalam tangki air. Baki air dalam tangki air akan cukup untuk membuat ais, dan kiub ais akan tersedia selepas 2 jam. Apabila kotak ais penuh, kitaran seterusnya tidak akan berlaku.
3. Apabila anda ingin meneruskan membuat ais secara automatik, pilih mod Auto Ice Off (Penutupan Ais Automatik), dan LED bagi Auto Ice On (Pengaktifan Ais Automatik) pada Panel Operasi akan menyala (Muka surat 25).

■ **Tutup pembuat ais untuk jangka masa yang panjang**

1. Kosongkan tangki air dan keluarkan kiub ais daripada kotak ais.
2. Bersihkan tangki air, penapis air, pelapik kalis bunyi dan kotak ais; keringkan aksesori ini dan pasang semula.
3. Apabila menggunakannya semula, isi tangki air dan pasangkannya di tempat asal.

■ **Semasa mengangkut peti sejuk**

1. Kosongkan tangki air dan keluarkan kiub ais daripada kotak ais.
2. Pilih mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik), LED bagi mod Auto Ice Clean (Pembersihan Ais Automatik) pada Panel Operasi akan menyala dan peti sejuk akan mula membersihkan pembuat ais. (Pada masa ini, kiub ais dan air dalam proses pembuatan ais akan jatuh ke dalam kotak ais)
3. Proses pembersihan akan berhenti selepas 2 minit. Tarik keluar dulang gelangsar di bawah Penyejuk Beku, keluarkan kotak ais dan kosongkan kiub ais dan air di dalam kotak ais.
4. Bersihkan tangki air, penapis air dan kotak ais; keringkan aksesori ini dan pasang semula.

How to clean the Refrigerator

Sebelum mencuci atau membuat penyelenggaraan, pastikan palam kuasa dicabut daripada outlet kuasa. Jangan pasang atau cabut palam kuasa dengan tangan yang basah. Apabila palam dicabut, biarkan selama 7 minit sebelum dipasang semula. Jika tidak, pemampat mungkin tidak berfungsi.

Bersihkan peti sejuk serta-merta jika kotor!

Lap kesan kotor pada permukaan dalam sebelum ia keras. Minyak masak atau lemak haiwan boleh menyebabkan plastik retak dan jus sitrus boleh melunturkan warna peti sejuk. Apabila kesan kotor tidak boleh ditanggalkan dengan mudah, lap dengan kain yang dicelup dengan pencuci dapur neutral.
Kemudian, lap dengan kain yang dicelup dengan air.



Lap permukaan pintu dengan kain lembut yang lembap.



Bersihkan item yang boleh ditanggalkan sekali-sekala.

Bersihkan pemutar ais seminggu sekali. Sebagai panduan, keluarkan dulang, para pintu dan cuci dengan merendam ia dalam air suam setiap tiga bulan.



Bersihkan gasket pintu sekurang kurangnya sebulan sekali.

Bersihkan dengan mengelap dengan kain lembut yang lembap. Gel petroleum disapu di gasket pintu di engsel peti sejuk, berhati-hati agar tidak lap kawasan ini.

Tempat di mana gel petroleum disapu.



Notis

Gasket pintu boleh diganti oleh ejen servis bertauliah.
Jika gasket pintu tercabut semasa mencuci, ia boleh ditekan masuk semula ke dalam alurnya.

Permintaan

Jangan gunakan item yang berikut untuk mencuci.
(Jika tidak, permukaan akan calar atau karat.)



Pencuci dapur
(Akan meretakkan plastik!)



Pembersih atau sabun serbuk



Benzin, pencair, alkohol, asid, petroleum



Penggosok



Air Panas

Bagaimana Mencuci Peti Sejuk

Dulang — Sekali setiap 3 bulan

■ Mengeluarkan

